

Eksplorasi ilmu sains UPM

FAKULTI Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI), Perak menganjurkan program Eksplorasi Sains di Fakulti Sains UPM Serdang, Selangor baru-baru ini.

Program yang melibatkan 38 pelajar tingkatan 5 SEMESTI itu diketuai oleh fasilitator Pensyarah Kanan Fakulti Sains, Dr. Yap Wing Fen dan dibantu oleh 12 ahli Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains UPM (FaSSA) bersama Kelab Mahasiswa Fizik yang berperanan sebagai fasilitator.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. **Zainal Abidin Talib** berkata, program itu dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang kebaikan memilih sains pada peringkat asasi dan memberi semangat motivasi untuk mempelajari bidang STEM selepas menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

“Program ini wajar diteruskan kepada pelajar sekolah untuk membantu mereka mengenalpasti dengan lebih luas hala tuju dalam pengajian tinggi apabila membuat pemilihan ke universiti kelak,” katanya.

Pensyarah Kanan, Jabatan Fizik, Dr. Yap Wing Fen pula berkata, matlamat utama program itu adalah meningkatkan pencapaian pelajar dan memperkukuhkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang sains.

“Program ini memberi pendedahan awal kepada peserta terhadap bidang sains yang boleh diceburi di UPM serta kerjaya di bidang sains,” katanya.

Program berkenaan turut memaparkan mengenai pentingnya saintis termasuk ahli fizik, kimia, biologi dan matematik dalam menyumbang kepada pembangunan negara.



KAKITANGAN Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Abdullah Talib (kanan) menerangkan peranan dan fungsi jabatan itu kepada Sekolah Menengah Sains Teluk Intan (SEMESTI), Perak di UPM baru-baru ini.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program itu adalah ‘Pentingnya Saintis di Dunia’, ‘Eksplorasi Physicist & Chemist’, ‘Jelajah Muzium Biologi’, ‘Jelajah Gedung Ilmu’ dan ‘Selangkah ke Asasi Sains Pertanian UPM’.

Ketua Panitia Fizik SEMESTI, Maisara Md Yon pula berkata, pelajar beranggapan matapelajaran sains amat susah dan tidak menguntungkan serta cenderung bertukar jurusan lain apabila ke peringkat matrikulasi atau asasi.

Justeru katanya, penganjuran program itu mampu mengubah persepsi dalam

meningkatkan keyakinan pelajar yang bakal menduduki SPM pada November ini.

Sementara itu, pelajar SEMESTI, Alif Nur Aiman Azman Nor berkata, program tersebut merupakan pengalaman baharu dirinya dan rakan-rakan apabila melawat makmal pengajaran dan penyelidikan fakulti.

“Saya amat teruja dengan peralatan dalam makmal terutamanya makmal fizik yang saya dan kawan-kawan tidak pernah jumpa sebelum ini. Saya ingin mendalami ilmu fizik apabila melanjutkan pelajaran ke universiti kelak,” katanya.